

LAPORAN ANALISA

KAJIAN IMPAK SOSIAL

**PENGUSAHASILAN
BAGI PENGKUARIAN
(SEMASA)**

HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG

PEJABAT HUTAN DAERAH HULU SELANGOR



**PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN
BAGI PENGKUARIAN
Semasa Pengusahaan (Pengkuarian)**

A. BUTIRAN KAWASAN KERJA PENGUSAHASILAN HUTAN

Penilaian dilaksanakan dengan menjalankan soal selidik terhadap penduduk Taman Matang Jaya dan Kampung Orang Asli Ulu Kuang lebih kurang radius 1 kilometer daripada kawasan pengusahaan yang sedang dijalankan. Pengusahaan adalah terdiri daripada kuari iaitu Perkuat Kuari, Permodalan Negeri Selangor Berhad, Layar Generasi, Terang Industries dan Mahir Sempurna Sdn. Bhd. Di mana, semua operasi kuari adalah berada di sebahagian kompartmen 8 dan 9, Hutan Simpan Bukit Lagong.

B. DEMOGRAFI RESPONDEN

Dalam soal selidik tersebut seramai 12 orang responden yang terdiri dari sembilan (9) orang lelaki dan tiga (3) orang perempuan. Semua responden adalah dipilih secara rawak, berumur lingkungan 20 tahun hingga 40 tahun ke atas serta enam (6) orang responden mempunyai taraf pendidikan sehingga sekolah menengah. Berikut adalah senarai nama yang telah memberi maklum balas mengenai soal selidik yang diedarkan seperti di bawah:

BIL	RESPONDEN
1.	Muhd Hidayat
2.	Azzan bin Abu Seman
3.	Mamat Bcek
4.	Muhammad Hazim
5.	Sariman Saadun
6.	Mohamad Aiman
7.	Seliwah A/L Ebi
8.	Oyalmokta
9.	Mohd Zairi bin Abdullah
10.	Nebila A/P Inchong
11.	Badrul A/L Alam
12.	Ros binti Salim

C. IMPAK TERHADAP ASPEK SOSIAL EKONOMI

BIL	PERKARA	RESPONDEN MENGIKUT PERATURAN (%)	
		YA	TIDAK
1.	Menimbulkan konflik antara penduduk setempat	66.70	33.30
2.	Menimbulkan konflik antara penduduk dengan pelesen pengusahaan hutan	50.00	50.00
3.	Menimbulkan gejala social dan jenayah (perjudian, pelacuran, penagih dadah)	50.00	50.00
4.	Mengganggu sumber ekonomi penduduk setempat	75.00	25.00
5.	Menjejaskan kebergantungan penduduk setempat terhadap hasil hutan	66.70	33.30
6.	Meningkatkan ekonomi penduduk setempat (peluang pekerjaan, sewa rumah, kedai runcit, jalan hutan atau lain-lain faedah)	25.00	75.00
7.	Menimbulkan kesan buruk kepada sumber makanan atau sumber lain sebagai asas mata pencarian penduduk setempat	83.30	16.70
8.	Pembukaan kawasan pengusahaan menggalakkan pembinaan infrastruktur (rumah, kedai)	25.00	75.00
9.	Pembinaan jalan hutan oleh pelesen memudahkan penduduk setempat dalam urusan harian	25.00	75.00
10.	Sumber bekalan air bersih berpunca daripada hutan yang diusahail	41.70	58.30
11.	Pengusahaan hutan memberi kesan pencemaran air bersih	66.70	33.30
12.	Aktiviti pengusahaan ini menjejaskan kesihatan penduduk setempat	91.70	8.30

BIL	PERKARA	RESPONDEN MENGIKUT PERATURAN (%)	
		YA	TIDAK
13.	Wabak penyakit (malaria, denggi, kencing tikus atau COVID-19) berlaku di kawasan ini	75.00	25.00
	Jumlah	57.06	42.94

D. IMPAK TERHADAP ASPEK ALAM SEKITAR

BIL	PERKARA	RESPONDEN MENGIKUT PERATURAN (%)	
		YA	TIDAK
1.	Aktiviti pengusahsailan hutan ini mengakibatkan risiko kebakaran	25.00	75.00
2.	Meningkatkan risiko hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur	100.00	0.00
3.	Menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sampah domestik, sisa pepejal dan lain-lain	66.70	33.30
4.	Terdapat konflik antara manusia dan hidupan liar di kawasan setempat	83.30	16.70
5.	Mengakibatkan kepupusan tumbuhan hutan dan hidupan liar di kawasan ini	83.30	16.70
	Jumlah	71.66	28.34

E. LAIN-LAIN MAKLUMAT

Berdasarkan responden seramai 12 orang, seorang (1) daripada responden tidak memilih ya tau tidak dan seorang (1) lagi responden memilih ya kerana terdapat peluang pekerjaan sekiranya pengusahhasilan ini diteruskan. Manakala, selebihnya dengan peraturan 83.33% memilih tidak kerana aktiviti pengusahhasilan ini membawa kepada masalah kesihatan, pencemaran udara, air dan bunyi serta kerosakan harta benda.

ULASAN DAN SYOR:

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang dijalankan, Keputusan keseluruhan Analisa terhadap aspek social ekonomi seperti dinyatakan adalah sebanyak 57.06% berpendapat pengusahaan yang sedang dijalankan mendatangkan kesan negatif, manakala sebanyak 42.94% pula berpendapat pengusahaan ini memberi sedikit peluang pekerjaan atau kesan positif kepada mereka.

Bagi keputusan keseluruhan terhadap aspek alam sekitar seperti yang dinyatakan mendapati 71.66% responden adalah terkesan dengan aktiviti semasa pengusahaan kuari terutamanya kebimbangan risiko hakisan tanah, tanah runtuh dan banjir lumpur, yang mana majoriti responden khuwatir kejadian ini berlaku sekiranya tiada pemantuan dan tindakan lanjut daripada agensi-agensi berwajib.

Selain itu, lain-lain maklumat yang diperolehi daripada responden mengenai pengusahaan ini adalah tidak bersetuju aktiviti pengkuariaan ini diteruskan atas dasar isu alam sekitar dan kesihatan penduduk yang berhampiran.

Pengusahaan kuari ini juga dijalankan secara Sistem Pengurusan Hutan yang cekap dan bersesuaian dengan penekanan kepada Pengurusan Hutan Secara Berkekalan serta pematuhan kriteria dan petunjuk MC&I (Hutan Asli), peraturan-peraturan dan syarat-syarat lesen yang berkuatkuasa. Selain itu, pemantauan secara berkala dijalankan bagi memastikan kerja pengusahaan berjalan mengikut peraturan yang dikuatkuasakan.

Sehubungan itu, pejabat ini berpandangan tiada halangan jika pengusahaan yang sedang dijalankan diteruskan dengan syarat ianya dilaksanakan mematuhi syarat-syarat daripada agensi terlibat seperti Jabatan Mineral dan Galian (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 Negeri Selangor.

Disediakan oleh:


(VERONICA JUSTIN)
Pegawai Hutan Daerah
Hulu Selangor.